

Penglibatan aktif bawa pulangan



Wan Salwati (tengah) bersama penerima anugerah menunjukkan isyarat 1Malaysia.

SEREMBAN – Seramai 275 ahli Persatuan Belia Dinamik Barat (PBDB) berusia antara 14 hingga 25 tahun menerima anugerah pada Majlis Pentauliah Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda (ARPRM) 2012.

Penglibatan aktif mereka dalam persatuan memberi pulangan apabila masing-masing telah berjaya menerima anugerah pingat perak dan gangsa.

Majlis perasmian dan penyampaian anugerah disempurnakan Pegawai Khas Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Wan Salwati Abdullah dalam satu majlis ringkas diadakan di sini.

“ Program ini merupakan sebuah pengiktirafan kerajaan atas penglibatan aktif golongan belia dalam pelbagai bidang yang boleh memberi manfaat sama ada kepada diri sendiri atau masyarakat.”

Zaharuddin

Hadir sama, Presiden Persatuan Emas Perdana Malaysia, Suhail Mohamed Kamarudin.

Pengerusi PBDB, Zaharuddin Abd Majid berkata, dalam tempoh empat tahun anugerah itu diperkenalkan kepada persatuan, seramai 800 ahlinya telah dianugerahkan pingat.

“Program ini merupakan sebuah pengiktirafan kerajaan atas penglibat-

an aktif golongan belia dalam pelbagai bidang yang boleh memberi manfaat sama ada kepada diri sendiri atau masyarakat.

“Saya nampak setiap tahun ada peningkatan jumlah yang menerima anugerah membuktikan mereka kini cenderung untuk bergiat aktif dengan aktiviti sukarela dan kemasyarakatan,” katanya kepada *Sinar Harian* di sini.